


MALAYAN UNION

Gagasan Malayan Union diperkenalkan untuk menggantikan British Military Administration (BMA). Unit Perancang Tanah Melayu, Mejar Jeneral Ralph Hone diberikan tugas untuk merangka pentadbiran Malayan Union.



KESATUAN

Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat kecuali Singapura disatukan menjadi satu unit pentadbiran.

RAJA-RAJA MELAYU

Sultan hanya menjadi Ahli Majlis Raja-Raja yang membincangkan soal agama Islam dan adat istiadat Melayu.

KEWARGANEGARAAN

Prinsip *jus soli* menjadi asas kewarganegaraan. Rakyat yang lahir di Tanah Melayu dan Singapura diiktiraf sebagai warga Malayan Union. Mereka yang berumur 18 tahun dan ke atas serta bermastautin selama 10 tahun hingga 15 tahun akan diberikan kewarganegaraan. Mereka yang berumur kurang daripada 18 tahun yang ibu bapanya warganegara, turut diberi kewarganegaraan.

KETUA PENTADBIR

Diketuai oleh Gabenor British yang dilantik oleh Raja England. Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan dibentuk di bawah kawalan Pesuruhjaya Tinggi British.

Pembentukan Malayan Union merupakan usaha British untuk terus menakluki negara kita. Malayan Union telah mengubah status Tanah Melayu daripada negeri naungan menjadi negeri **Tanah Jajahan**.